



PETRONAS bantu penduduk miskin

Chukai: PETRONAS komited untuk terus melaksanakan aktiviti kemasyarakatan membantu penduduk miskin dan kurang bernasib baik bagi membantu meningkatkan taraf hidup golongan itu.

Antara program yang dilaksanakan ialah Program Bakti Pendidikan, Program Pencegahan Dadah, Program Kenali Anak Kita serta Program Sentuhan Harapan dan Jalinan Kasih.

Sasar 1,000 orang miskin, anak yatim

Pengurus Besar PETRONAS Wilayah Pantai Timur, Wan Mohd Hasnan Abdullah, berkata Program Sentuhan Kasih dan Jalinan Insan menjadi aktiviti tahunan dengan menyasarkan 1,000 orang miskin dan anak yatim di sekitar kawasan syari'at itu beroperasi.

"Mereka bukan saja dibantu dalam bentuk kewangan dan harta benda, malah kami turut memberi bantuan moral dan tenaga," katanya selepas program Sentuhan Kasih Sumbangan Kepada Mangsa Banjir di Kampung Bukit Mentuk di sini.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air

Putih, Wan Abdul Hakim Wan Mokhtar dan Ketua Pegawai Eksekutif PETRONAS Chemical Derivatives Sdn Bhd, Mohd Yusri Mohd Yusof.

Program Sentuhan Harapan yang dilancarkan pada 2010 dengan kerjasama Yayasan Mykasih, membantu 5,000 keluarga di Terengganu, Selangor, Kelantan, Melaka, Pahang Perak, Sabah dan Sarawak.

Pelbagai bantuan

Selain bantuan makanan asas secara bulanan, keluarga miskin juga dibantu dalam bentuk pengurusan kewangan, penjagaan kesihatan dan memajukan belia.

Program Bakti Pendidikan PETRONAS dilaksanakan sejak 2002 dan sehingga kini seramai 3,000 murid miskin mendapat manfaat.

Wan Mohd Hasnan berkata, pihaknya bangga apabila pencapaian pelajar dalam Ujian Pencaapaian Sekolah Rendah (UPSR) amat memberangsangkan.

"Kita bersyukur dan bangga di atas pencapaian itu dan ada antara sekolah berjaya mencapai status sekolah terbaik UPSR," katanya.



Wan Mohd Hasnan (kiri) **menyampaikan bantuan** kepada mangsa banjir di Kemaman sambil disaksikan Wan Abdul Hakim (dua dari kiri) pada Majlis Bantuan Banjir di Kemaman. [FOTO ROSLI ILHAM/BH]